



KERAJAAN MALAYSIA

---

**PINDAAN PERTAMA SURAT PEKELILING PELAKSANAAN  
INFRASTRUKTUR DATA GEOSPATIAL NEGARA (MyGDI)  
BILANGAN 1 TAHUN 2006**

---

**PINDAAN KEPADA STRUKTUR PENGURUSAN MyGDI (LAMPIRAN A)  
PANDUAN BAGI PEMBANGUNAN DAN PELAKSANAAN  
INFRASTRUKTUR DATA GEOSPATIAL NEGARA /  
*MALYSIAN GEOSPATIAL DATA INFRASTRUCTURE (MyGDI)***

**PUSAT INFRASTRUKTUR DATA GEOSPATIAL NEGARA (MaCGDI)  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR MALAYSIA (NRE)  
FEBRUARI 2007**

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan



**KETUA SETIAUSAHA**  
*Secretary General*  
**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**  
*Ministry of Natural Resources & Environment*  
**ARAS 17, BLOK MENARA 4G3**  
**PRESINT 4**  
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
**62574 PUTRAJAYA**

TELEFON : 03-88861652  
FAX : 03-88895449  
TARIKH : 14 Februari 2007

Rujukan Kami : NRE 71/07/03/27(38)

Rujukan Tuan :

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

---

**PINDAAN PERTAMA SURAT PEKELILING PELAKSANAAN  
INFRASTRUKTUR DATA GEOSPATIAL NEGARA (MyGDI)  
BILANGAN 1 TAHUN 2006**

---

**PINDAAN KEPADA STRUKTUR PENGURUSAN MyGDI (LAMPIRAN A)  
PANDUAN BAGI PEMBANGUNAN DAN PELAKSANAAN  
INFRASTRUKTUR DATA GEOSPATIAL NEGARA /  
MALAYSIAN GEOSPATIAL DATA INFRASTRUCTURE (MyGDI)**

**TUJUAN**

Tujuan Pekeliling ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan kepada Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan, Negeri dan Penguasa-Penguasa Tempatan berhubung dengan pindaan kepada **Struktur Pengurusan MyGDI (Lampiran 'A')** di dalam Panduan Bagi Pembangunan Dan Pelaksanaan Infrastruktur Data Geospasial Negara

di bawah Surat Pekeliling Pelaksanaan Infrastruktur Data Geospasial Negara (MyGDI) Bilangan 1 Tahun 2006. Pindaan ini telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal *Framework* MyGDI (JTfM) Bil. 2/2006 pada 27 November 2006 dan kemudiannya disahkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras MyGDI Kebangsaan (JPMK) Bil. 1/2006 pada 14 Disember 2006. Ia menjadi satu keperluan dalam memantap dan memperkemas jawatankuasa-jawatankuasa MyGDI diperingkat negeri/wilayah persekutuan dan kebangsaan.

## **PEMAKAIAN**

2. Dengan itu, tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing. Surat pekeling ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua pihak berkuasa negeri, pihak berkuasa berkanun dan pihak berkuasa tempatan.

## **TARIKH KUATKUASA**

3. Pindaan kepada **Struktur Pengurusan MyGDI (Lampiran 'A')** Surat Pekeling Pelaksanaan Infrastruktur Data Geospasial Negara (MyGDI) Bilangan 1 Tahun 2006, hendaklah berkuatkuasa mulai daripada tarikh Pekeling ini dikeluarkan.

## **DATO' SUBOH BIN MOHD YASSIN**

*Ketua Setiausaha*

*Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE)*

*Merangkap*

*Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras MyGDI Kebangsaan (JPMK)*



**PINDAAN KEPADA STRUKTUR PENGURUSAN MyGDI (LAMPIRAN A)  
PANDUAN BAGI PEMBANGUNAN DAN PELAKSANAAN  
INFRASTRUKTUR DATA GEOSPATIAL NEGARA /  
*MALAYSIAN GEOSPATIAL DATA INFRASTRUCTURE (MyGDI)***

Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI)  
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia (NRE)  
Aras 7 & 8, Blok Menara 4G3, Presint 4  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62574 PUTRAJAYA.

# KANDUNGAN

Muka Surat

## LAMPIRAN A

### **STRUKTUR PENGURUSAN MyGDI**

Jawatankuasa Penyelaras MyGDI Kebangsaan (JPMK)	1
Jawatankuasa Teknikal <i>Framework</i> MyGDI (JTfM)	3
Jawatankuasa Teknikal <i>Clearinghouse</i> MyGDI (JTcM)	4
Jawatankuasa Teknikal Standard MyGDI (JTSM)	5
Jawatankuasa Penyelaras MyGDI Wilayah Persekutuan (JPMWP)	6
Jawatankuasa Teknikal MyGDI Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JTMWPKL)	8
Jawatankuasa Teknikal MyGDI Wilayah Persekutuan Putrajaya (JTMWPP)	10
Jawatankuasa Teknikal MyGDI Wilayah Persekutuan Labuan (JTMWPL)	12
Jawatankuasa Penyelaras MyGDI Negeri (JPMN)	14
Jawatankuasa Teknikal MyGDI Negeri (JTMN)	15

**STRUKTUR PENGURUSAN MyGDI**

**1. Jawatankuasa Penyelaras MyGDI Kebangsaan (JPMK)**

**1.1 Keanggotaan.**

*Pengerusi* : Ketua Setiausaha  
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia (NRE).

*Timbalan Pengerusi:* Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia.

*Setiausaha* : Pengarah  
Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI).

*Keahlian* :

- a. Agensi-agensi pusat yang terlibat iaitu Perbendaharaan Malaysia, MAMPU, EPU dan ICU;
- b. Ketua–Ketua Pengarah Jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan;
- c. Semua Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras MyGDI Negeri dan Wilayah Persekutuan;
- d. Pengerusi Jawatankuasa Teknikal *Framework* MyGDI;
- e. Pengerusi Jawatankuasa Teknikal *Clearinghouse* MyGDI;
- f. Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Standard MyGDI; dan
- g. Lain-lain ketua agensi yang dicadangkan dari masa ke semasa.

*Urus Setia* : Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI).

## **1.2 Kuasa dan bidang tugas JPMK**

JPMK bertanggungjawab kepada Kerajaan Malaysia dalam:

- a. Menetapkan dasar dan garis panduan bagi pembangunan dan pelaksanaan MyGDI;
- b. Menubuhkan jawatankuasa kerja yang diperlukan dari semasa ke semasa;
- c. Menyelaras dan memantau pembangunan dan pelaksanaan MyGDI melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan melalui JPMK; dan
- d. Memastikan keperluan sumber kewangan, tenaga manusia serta teknologi disediakan bagi aktiviti MyGDI.

## 2. Jawatankuasa Teknikal *Framework* MyGDI (JTFM)

### 2.1 Keanggotaan.

*Pengerusi* : (dilantik oleh JPMK).

*Setiausaha* : Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI).

*Keahlian* :

- a. Pengerusi Jawatankuasa Teknikal *Clearinghouse* MyGDI;
- b. Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Standard MyGDI;
- c. Semua Pengerusi Jawatankuasa Teknikal MyGDI Negeri dan Wilayah Persekutuan;
- d. Wakil Jabatan dan agensi Persekutuan yang berkaitan; dan
- e. Lain-lain agensi yang dicadangkan dari masa ke semasa.

*Urus Setia* : Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI).

### 2.2 Kuasa dan bidang tugas JTFM

JTFM bertanggungjawab kepada JPMK dalam:

- a. Menggubal polisi dan garis panduan bagi memastikan keberkesanan perkongsian data geospasial melalui MyGDI;
- b. Menyelaras pembangunan dan penggunaan *data framework* MyGDI;
- c. Memantau pelaksanaan polisi dan garis panduan; dan
- d. Mewujudkan kesedaran dan komitmen dikalangan agensi dalam pembangunan *data framework*.



### **3. Jawatankuasa Teknikal *Clearinghouse* MyGDI (JTCM)**

#### **3.1 Keanggotaan**

*Pengerusi* : (dilantik oleh JPMK).

*Setiausaha* : Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI).

*Keahlian* :

- a. Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Standard MyGDI;
- b. Pengerusi Jawatankuasa Teknikal *Framework* MyGDI;
- c. Semua Pengerusi Jawatankuasa Teknikal MyGDI Negeri dan Wilayah Persekutuan;
- d. Wakil Jabatan dan agensi Persekutuan yang berkaitan; dan
- e. Lain-lain agensi yang dicadangkan dari masa ke semasa.

*Urus Setia* : Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI)

#### **3.2 Kuasa dan bidang tugas JTCM**

JTCM bertanggungjawab kepada JPMK dalam:

- a. Menggubal polisi dan garis panduan berkaitan operasi *Clearinghouse* MyGDI;
- b. Menentukan keperluan sumber bagi pembangunan dan operasi *Clearinghouse* MyGDI;
- c. Memastikan penerbitan metadata dan data geospasial lengkap dan terkini; dan
- d. Menyelaras dan memantau aktiviti penggunaan dan operasi *Clearinghouse* MyGDI.

#### **4. Jawatankuasa Teknikal Standard MyGDI (JTSM)**

##### **4.1 Keanggotaan.**

*Pengerusi* : (dilantik oleh JPMK).

*Setiausaha* : Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI).

*Keahlian* :

- a. Pengerusi Jawatankuasa Teknikal *Clearinghouse* MyGDI;
- b. Pengerusi Jawatankuasa Teknikal *Framework* MyGDI;
- c. Semua Pengerusi Jawatankuasa Teknikal MyGDI Negeri dan Wilayah Persekutuan;
- d. Wakil Jabatan dan agensi Persekutuan yang berkaitan; dan
- e. Lain-lain agensi yang dicadangkan dari semasa ke semasa.

*Urus Setia* : Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI).

##### **4.2 Kuasa dan bidang tugas JTSM**

JTSM bertanggungjawab kepada JPMK dalam:

- a. Membangunkan standard maklumat geografi/geomatik MyGDI;
- b. Menyelaras dan memantau penggunaan standard maklumat geografi/geomatik MyGDI untuk tujuan pertukaran data; dan
- c. Bekerjasama dengan Jawatankuasa Teknikal SIRIM bagi Standard Maklumat Geografi/Geomatik serta jawatankuasa-jawatankuasa teknikal standard yang lain dalam membangunkan dan mengemaskini Standard Malaysia.

## **5. Jawatankuasa Penyelaras MyGDI Wilayah Persekutuan (JPMWP)**

### **5.1 Keanggotaan**

Pengerusi : Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan  
Kementerian Wilayah Persekutuan

Setiausaha : Bahagian Khidmat Teknikal & Penyelidikan  
Kementerian Wilayah Persekutuan

Keahlian :

- a. Pengerusi Jawatankuasa Teknikal MyGDI WP Kuala Lumpur;
- b. Pengerusi Jawatankuasa Teknikal MyGDI WP Putrajaya;
- c. Pengerusi Jawatankuasa Teknikal MyGDI WP Labuan;
- d. Pengarah Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara(MaCGDI);
- e. Pengerusi Jawatankuasa Perkongsian Data AGISwlk, Kementerian Wilayah Persekutuan; dan
- f. Lain-lain ketua agensi yang dicadangkan dari masa ke semasa.

*Urusetia* : Ditentukan oleh Pengerusi JPMWP

## 5.2 Kuasa dan bidang tugas JPMWP

JPMWP bertanggungjawab kepada JPMK dalam:

- a. Menerimapakai polisi dan standard yang ditetapkan oleh JPMK;
- b. Memastikan *Clearinghouse* MyGDI digunapakai oleh semua agensi di bawahnya;
- c. Menyelaras perancangan penyediaan data geospasial bagi tujuan perkongsian melalui MyGDI di peringkat Wilayah Persekutuan bagi mengelakkan pertindihan usaha pengutipan data;
- d. Menubuhkan Jawatankuasa Teknikal MyGDI Wilayah Persekutuan (JTMWP) Kuala Lumpur, JTMWP Putrajaya dan JTMWP Labuan serta memantau pelaksanaan MyGDI di peringkat Wilayah Persekutuan; dan
- e. Memastikan keperluan sumber kewangan, tenaga manusia serta teknologi disediakan bagi aktiviti MyGDI.

## **6. Jawatankuasa Teknikal MyGDI WP. Kuala Lumpur (JTMWPKL)**

### **6.1 Keanggotaan**

- Pengerusi : Ketua Pengarah, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).
- Setiausaha : Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, DBKL.
- Keahlian :
- a. Pengarah Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI);
  - b. Pengarah Tanah dan Galian WPKL;
  - c. Pengarah Jabatan Ukur dan Pemetaan WPKL & Putrajaya;
  - d. Pengarah Jabatan Kerja Raya WPKL;
  - e. Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains WPKL;
  - f. Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran WPKL;
  - g. Pengarah Jabatan Perangkaan WPKL;
  - h. Pengarah Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta WPKL;
  - i. Pengarah Jabatan Alam Sekitar WPKL;
  - j. Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, DBKL;
  - k. Pengarah Jabatan Pelan Induk, DBKL;
  - l. Pengarah Jabatan Perancang Bandar, DBKL;
  - m. Pengarah Jabatan Pengangkutan Bandar, DBKL;
  - n. Pengarah Jabatan Kerja Awam, DBKL;
  - o. Setiausaha Bahagian, Bahagian Khidmat Teknikal & Penyelidikan, Kementerian Wilayah Persekutuan; dan
  - p. Pengarah, Bahagian Pengurusan Sumber Maklumat dan Sokongan Teknologi, Kementerian Wilayah Persekutuan.

Pengerusi JTMWPKL boleh menentukan keanggotaan JTMWPKL mengikut kesesuaian dan keperluan.

*Urusetia* : Ditentukan oleh Pengerusi JTMWPKL

## 6.2 Kuasa dan bidang tugas JTMWPKL

JTMWPKL bertanggungjawab kepada JPMWP dalam:

- a. Melaksana polisi dan standard yang ditetapkan oleh JPMK;
- b. Memastikan *Clearinghouse* MyGDI digunapakai oleh semua agensi di bawahnya;
- c. Merancang penyediaan dan penyelenggaraan data geospasial bagi tujuan perkongsian melalui MyGDI di peringkat WPKL; dan
- d. Merancang keperluan kewangan, tenaga manusia serta teknologi bagi aktiviti MyGDI di peringkat WPKL.

## **7. Jawatankuasa Teknikal MyGDI WP. Putrajaya (JTMWPP)**

### **7.1 Keanggotaan**

Pengerusi : Pengarah Bahagian Korporat, Perbadanan Putrajaya.

Setiausaha : Timbalan Pengarah Sistem Maklumat, Perbadanan Putrajaya.

Keahlian :

- a. Pengarah Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI);
- b. Pengarah Jabatan Ukur dan Pemetaan WPKL & Putrajaya;
- c. Pengarah Tanah dan Galian WPKL;
- d. Wakil Jabatan Lanskap, Perbadanan Putrajaya;
- e. Wakil Jabatan Perancang, Perbadanan Putrajaya;
- f. Wakil Jabatan Kejuruteraan, Perbadanan Putrajaya;
- g. Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan, Kementerian Wilayah Persekutuan;
- h. Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Maklumat dan Sokongan Teknologi, Kementerian Wilayah Persekutuan.

Pengerusi JTMWPP boleh menentukan keanggotaan JTMWPP mengikut kesesuaian dan keperluan.

*Urusetia* : Ditentukan oleh Pengerusi JTMWPP.

## 7.2 Kuasa dan bidang tugas JTMWPP

JTMWPP bertanggungjawab kepada JPMWP dalam:

- a. Melaksana polisi dan standard yang ditetapkan oleh JPMK;
- b. Memastikan *Clearinghouse* MyGDI digunapakai oleh semua agensi di bawahnya;
- c. Merancang penyediaan dan penyelenggaraan data geospasial bagi tujuan perkongsian melalui MyGDI di peringkat WP. Putrajaya; dan
- d. Merancang keperluan kewangan, tenaga manusia serta teknologi bagi aktiviti MyGDI di peringkat WP. Putrajaya.



## **8. Jawatankuasa Teknikal MyGDI WP. Labuan (JTMWPL)**

### **8.1 Keanggotaan**

Pengerusi : Pengarah Ukur dan Pemetaan, WP. Labuan.

Setiausaha : Jabatan Ukur dan Pemetaan, WP. Labuan.

Keahlian :

- a. Pengarah Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara(MaCGDI);
- b. Pengarah Jabatan Tanah WP. Labuan;
- c. Wakil Bahagian ICT, Jabatan Tanah dan Galian WP. Labuan;
- d. Wakil Bahagian Perancangan dan Penyelarasan, Perbadanan Labuan;
- e. Wakil Bahagian Teknologi Maklumat, Perbadanan Labuan;
- f. Wakil Bahagian Pembangunan dan Kejuruteraan, Perbadanan Labuan;
- g. Wakil Bahagian Perbandaran dan Kerajaan Tempatan, Perbadanan Labuan;
- h. Pengarah Jabatan Bekalan Air WP. Labuan;
- i. Pengarah Jabatan Kerja Raya WP. Labuan;
- j. Pengarah Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, WP. Labuan;
- k. Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Maklumat dan Sokongan Teknologi, Kementerian Wilayah Persekutuan; dan
- l. Setiausaha Bahagian, Bahagian Khidmat Teknikal & Penyelidikan, Kementerian Wilayah Persekutuan.

Pengerusi JTMWPL boleh menentukan keanggotaan JTMWPL mengikut kesesuaian dan keperluan.

*Urusetia* : Ditetapkan oleh Pengerusi JTMWPL

## **8.2 Kuasa dan bidang tugas JTMWPL**

JTMWPL bertanggungjawab kepada JPMWP dalam:

- a. Melaksana polisi dan standard yang ditetapkan oleh JPMK;
- b. Memastikan Clearinghouse MyGDI digunapakai oleh semua agensi di bawahnya;
- c. Merancang penyediaan dan penyelenggaraan data geospasial bagi tujuan perkongsian melalui MyGDI di peringkat WP. Labuan; dan
- d. Merancang keperluan kewangan, tenaga manusia serta teknologi bagi aktiviti MyGDI di peringkat WP Labuan.

## **9. Jawatankuasa Penyelaras MyGDI Negeri (JPMN)**

### **9.1 Keanggotaan.**

*Pengerusi* : Setiausaha Kerajaan Negeri.

*Setiausaha* : (ditentukan oleh Pengerusi JPMN).

*Keahlian* : a. Pengarah MaCGDI;  
b. Pengarah agensi-agensi negeri;  
c. Pengarah agensi-agensi Persekutuan; dan  
d. Yang Dipertua Pihak-pihak Berkuasa Tempatan.

Pengerusi JPMN boleh menentukan keanggotaan JPMN mengikut kesesuaian dan keperluan.

*Urusetia* : Ditentukan oleh Pengerusi JPMN

### **9.2 Kuasa dan bidang tugas JPMN**

JPMN bertanggungjawab kepada JPMK dalam:

- a. Menerima pakai polisi dan standard yang ditetapkan oleh JPMK;
- b. Memastikan *Clearinghouse* MyGDI digunapakai oleh semua agensi di bawahnya;
- c. Menyelaras perancangan penyediaan data geospasial bagi tujuan perkongsian melalui MyGDI di peringkat negeri bagi mengelakkan pertindihan usaha pengutipan data;
- d. Menubuhkan Jawatankuasa Teknikal MyGDI Negeri (JTMN) dan memantau pelaksanaan MyGDI di peringkat negeri; dan
- e. Memastikan keperluan sumber kewangan, tenaga manusia serta teknologi disediakan bagi aktiviti MyGDI.

## **10. Jawatankuasa Teknikal MyGDI Negeri (JTMN)**

### **10.1 Keanggotaan.**

*Pengerusi* : Pengarah UPEN Negeri.

*Setiausaha* : (ditentukan oleh Pengerusi JTMN)

*Keahlian* :

- a. Wakil MaCGDI;
- b. Wakil agensi-agensi negeri;
- c. Wakil agensi-agensi Persekutuan; dan
- d. Wakil Pihak–pihak Berkuasa Tempatan.

Pengerusi JTMN boleh menentukan keanggotaan JTMN mengikut kesesuaian dan keperluan.

*Urusetia* : Ditentukan oleh Pengerusi JTMN

### **10.2 Kuasa dan bidang tugas JTMN**

JTMN bertanggungjawab kepada JPMN dalam:

- a. Melaksana polisi dan standard yang ditetapkan oleh JPMK;
- b. Memastikan MyGDI *Clearinghouse* digunapakai oleh semua agensi di bawahnya;
- c. Merancang penyediaan dan penyelenggaraan data geospasial bagi tujuan perkongsian melalui MyGDI di peringkat negeri; dan
- d. Merancang keperluan kewangan, tenaga manusia serta teknologi bagi aktiviti MyGDI di peringkat negeri.